



# Loyalty Program



## Daftar

Program Loyalty dengan memesan produk kegemaran anda melalui penghantaran secara automatik.

15%

## Peroleh

15% pulangan dalam Poin Loyalty.



## Tebus\*

Poin Loyalty untuk mendapatkan produk 4Life pilihan anda!  
(\*Yuran penebusan)



## Terima **BAHARU**

35 Bonus Poin Loyalty apabila anda mengekalkan pesanan Program Loyalty bulanan 150 LP, atau 55 Bonus Poin Loyalty apabila anda membeli mana-mana satu Smart Start Pack untuk Loyalty!

## Apa yang anda boleh lakukan dengan produk anda?

Guna sendiri • Kongsi dengan rakan



ForLife Research Sdn. Bhd.

Reg.No. 200201007676 (575339 - A) AJL No. 931508

Tebus produk hari ini!





# Loyalty Program

## TERMA & SYARAT

**Pesanan Program Loyalty 4Life® adalah pesanan penghantaran automatik yang memenuhi terma dan syarat yang dinyatakan di bawah.**

1. Program Loyalty ini terbuka kepada semua Affiliate 4Life yang berdaftar di Malaysia sahaja. Program ini tidak boleh dipindah milik.
2. Affiliate yang mengambil bahagian dalam Program Loyalty memperoleh 15% pulangan dalam Poin Loyalty untuk menebus produk pilihan mereka.
3. Affiliate mesti mengekalkan pesanan Program Loyalty bulanan minimum 100 LP untuk memperoleh Poin Loyalty.
4. Pesanan Program Loyalty hanya boleh dibuat sekali sebulan dalam satu resit.
5. Maksimum sebanyak 75 Poin Loyalty boleh diperolehi setiap bulan pada pesanan Program Loyalty; namun, apabila Affiliate membeli Smart Start Pack untuk Loyalty, mereka akan memperoleh 15% daripada volum Smart Start Pack dengan maksimum 120 Poin Loyalty setiap bulan. (tidak termasuk Bonus Poin Loyalty) **BAHARU**
6. Pesanan Program Loyalty sebanyak 150 LP atau lebih yang diproses pada atau sebelum 20hb setiap bulan akan diberikan 35 Bonus Poin Loyalty. **BAHARU**
7. Affiliate yang membeli 400 LP Smart Start Pack akan menerima 55 Bonus Poin Loyalty, manakala mereka yang membeli dua (2) 400 LP Smart Start Pack akan menerima 110 Bonus Poin Loyalty. Maksimum sebanyak 110 Poin Loyalty Bonus boleh diperolehi setiap bulan. **BAHARU**
8. Bonus Poin Loyalty dikecualikan pada bulan pertama Affiliate baharu berdaftar; walau bagaimanapun, Poin Loyalty masih diberikan untuk pesanan yang dibuat pada masa ini. Bonus Poin Loyalty boleh diperolehi pada bulan kedua dan selepas itu (apabila keperluan Program Loyalty 150 LP dipenuhi). **BAHARU**
9. Bonus Poin Loyalty dan Poin Loyalty akan dikreditkan pada bulan berikutnya. **BAHARU**
10. Bonus Poin Loyalty dan Poin Loyalty yang tidak digunakan akan luput 12 bulan selepas ia diperolehi. Poin akan dihapuskan pada 1hb setiap bulan selepas luput dan berdasarkan prinsip Masuk Dulu, Keluar Dulu (FIFO). **BAHARU**
11. Penyertaan peserta Program Loyalty akan dibatalkan secara automatik daripada Program Loyalty selepas tamat empat (4) bulan Program Loyalty berturut-turut dengan sifar (0) LP. Mereka boleh mendaftar semula pada bila-bila masa dan Poin Loyalty mereka tidak akan luput dengan syarat ia belum tamat tempoh. **BAHARU**
12. Affiliate boleh memilih tarikh penghantaran dari hari pertama hingga hari ke-20 setiap bulan.
13. PENTING – Pesanan Program Loyalty mesti dilengkapkan selewat-lewatnya pada 20hb setiap bulan.
14. Perubahan pada pesanan Program Loyalty perlu dibuat sekurang-kurangnya satu hari sebelum tarikh penghantaran pesanan berjadual yang seterusnya.
15. Pesanan Program Loyalty boleh ditangguh hingga dua (2) bulan pada satu masa.
16. Pesanan Program Loyalty perlu dihantar untuk memperoleh Poin Loyalty. Poin Loyalty akan ditolak untuk pesanan Program Loyalty yang dikembalikan.
17. Affiliate boleh mula menebus Poin Loyalty pada bulan berikutnya selepas poin diperolehi. **BAHARU**
18. Affiliate baharu yang mendaftar dalam Program Loyalty boleh mula menebus Poin Loyalty pada bulan berikutnya selepas poin diperolehi. **BAHARU**
19. Affiliate baharu memperoleh Poin Loyalty untuk semua pembelian produk yang dibuat pada bulan pertama (tertakluk kepada had yang ditentukan), sekiranya Affiliate baharu mendaftar dalam Program Loyalty sebelum penghujung bulan berikutnya. Selepas pembelian bulan pertama, Poin Loyalty hanya akan diperolehi dari pesanan Program Loyalty.
20. Poin Loyalty tidak mempunyai nilai penebusan tunai dan tidak boleh dipindah milik.
21. Poin Loyalty hanya boleh ditebus untuk produk LP tunggal; dan produk yang ditebus tidak boleh dikembalikan atau ditukar.
22. Yuran penebusan sebanyak RM16 dikenakan untuk setiap pesanan penebusan.
23. Poin Loyalty tambahan diperlukan untuk penebusan Produk 4Life tertentu. **BAHARU**
24. Produk yang ditebus melalui Poin Loyalty tidak mempunyai LP.
25. Cukai mungkin dikenakan untuk yuran penebusan dan pesanan penebusan Poin Loyalty.
26. Untuk menebus Poin Loyalty, membatalkan penyertaan Program Loyalty atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program Loyalty, sila gunakan Aplikasi 4Life, log masuk Akaun 4Life anda di [malaysia.4life.com](http://malaysia.4life.com) atau hubungi Khidmat Pelanggan di 1800-810-793.
27. 4Life berhak untuk menukar, mengubah, meminda, mengolah atau menamatkan mana-mana Terma dan Syarat di atas tanpa sebarang notis.

### Daftar hari ini!

Layari [malaysia.4life.com](http://malaysia.4life.com) atau log masuk Akaun 4Life anda.

Untuk maklumat program, sila hubungi 1800-810-793.



ForLife Research Sdn. Bhd.

Reg.No. 200201007676 (575339 - A) AJL No. 931508